

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2011

PENAMBAHBAIKAN DASAR KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.14 Tahun 2010 berhubung keputusan Kerajaan untuk menambahbaik dasar mengenai kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATARBELAKANG

2. Peraturan semasa telah menetapkan bahawa tempoh Cuti Bersalin kepada pegawai perkhidmatan awam adalah selama 60 hari sahaja.
3. Selaras dengan hasrat Kerajaan yang mengambil berat terhadap kebajikan pegawai dan untuk memastikan kemudahan yang lebih baik kepada pegawai maka peraturan berkaitan Cuti Bersalin ini telah ditambahbaik.
4. Jenis-jenis Cuti Bersalin yang layak bagi pegawai perkhidmatan awam yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*) adalah seperti berikut;
 - (a) '**Cuti Bersalin Bergaji Penuh**' adalah cuti bersalin yang dibayar emolumen penuh mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan; dan
 - (b) '**Cuti Bersalin Tanpa Gaji**' adalah cuti bersalin yang tidak dibayar sebarang emolumen.

SYARAT DAN KELAYAKAN

5. Syarat dan peraturan bagi penambahbaikan cuti bersalin adalah seperti lampiran pada pekeliling ini.

PROSEDUR

6. Staf hendaklah memohon cuti bersalin melalui *E-Community*.
7. Permohonan cuti bersalin hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **mulai 15 Oktober 2010**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJLMUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : **2 Mac 2011**

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.4 TAHUN 2011

PENAMBAHBAIKAN DASAR KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

SYARAT DAN PERATURAN BAGI PENAMBAHBAIKAN CUTI BERSALIN

1. Kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:
 - (a) Pegawai yang bersalin layak mendapat Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak **300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya**;
 - (b) Pegawai diberi **fleksibiliti** untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara 60 hari sehingga 90 hari bagi setiap kelahiran; dan
 - (c) Cuti ini bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.
2. Pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh **kurang dari 90 hari**, pegawai dikehendaki memenuhi tempoh Cuti Bersalin di antara 60 hari sehingga 90 hari dengan menggunakan turutan kemudahan seperti berikut;
 - (a) Menghabiskan kesemua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh yang dilayaki; dan
 - (b) Mengambil Cuti Rehat yang berkecukupan; dan
 - (c) Mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan seperti di perenggan 3.2 (a) dan 3.3(b) di atas; atau
 - (d) Menggunakan Cuti Menjaga Anak (Tanpa Gaji) sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebagaimana syarat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.15 Tahun 2007.
3. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum **300 hari** kemudahan Cuti Bersalin, pegawai dikehendaki untuk memenuhi tempoh Cuti Bersalin di antara tempoh 60 hari sehingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan seperti berikut;
 - (a) Mengambil Cuti Rehat mengikut kelayakan pegawai mulai dari tarikh bersalin; dan
 - (b) Mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan di perenggan 3.3(a) di atas; atau

- (c) Menggunakan Cuti Menjaga Anak (Tanpa Gaji) mulai dari tarikh bersalin berdasarkan syarat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.15 Tahun 2007.
4. Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.
 5. Bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), kelayakan mereka adalah sebagaimana pegawai tetap. Walau bagaimanapun, mereka **tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak** bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil tidak menjejaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 54.4 Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2008. Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji ini juga **tidak menyebabkan** tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.
 6. Cuti Sakit **tidak boleh** digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.
 7. Pegawai yang telah melahirkan anak **selepas 22 minggu mengandung**, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.
 8. **Tempoh perkhidmatan yang diambilkira** bagi maksud kelayakan kemudahan ini adalah seperti berikut;
 - (a) Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - (b) Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak.
 9. Pegawai yang bermula Cuti Bersalin **sebelum 15 Oktober 2010** adalah masih tertakluk kepada tempoh Cuti Bersalin selama 60 hari dan pelaksanaannya sepertimana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1998.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa **mulai 15 Oktober 2010.**

Unit Perkhidmatan & Saraan

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftaran

Tarikh : 2 Mac 2011